

Iktiraf suara negara kecil: PM

B.M. 18 JUN 1989

Oleh JAILANI HARUN

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa kuasa-kuasa besar mengiktiraf sumbangan negara-negara kecil kepada keamanan dunia.

Perdana Menteri berkata anggapan bahawa pandangan negara kecil seperti Malaysia tidak dapat membantu proses perdamaian antara-bangsa mestilah dibuang jika semua kerajaan ingin mengelakkan pertikaian.

Berucap di perasmian Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik kali ketiga di sini semalam, beliau menegaskan bahawa kesilapan dasar luar segelintir pemimpin kuasa besar adalah sebab utama meletusnya peperangan di beberapa bahagian dunia.

"Cita-cita menakluki negara lain, membesarkan wilayah serta ingin mengembangkan ideologi masing-masing kepada rakyat asing, patulah dielak dan dihapuskan sama sekali.

"Saya percaya tidak ada sebuah negara pun patut diketepikan dalam soal tanggungjawab ini. Jika setiap negara mempunyai sifat anti-perang dan mengelakkan salah faham, saya yakin semua pertikaian dapat diatasi," katanya.

Sambil menekankan pentingnya diwujudkan persefahaman tulen antara kerajaan, Perdana Menteri berkata semua proses keamanan haruslah dibuat tanpa syarat.

Mengenai Indochina, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Asean mestilah bersedia mencari satu jalan menyeluruh menyelesaikan pertikaian rantau itu dengan kerjasama kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Russia.

"Saya menyeru semua kuasa terbabit, sama ada dari Utara, Selatan, Barat dan Timur, dari kalangan Dunia Pertama, Kedua atau Ketiga, agar sama-sama berikhtiar mewujudkan pemulihan yang boleh memanfaatkan masa depan rakyat Indochina.

"Saya juga menyokong usaha menukar Indochina daripada sebuah medan perang menjadi sebuah rantau ekonomi, satu proses di mana

□ LIHAT MUKA 2 DAN MUKA 6

Iktiraf pandangan - negara kecil

□ DARI MUKA 1

kami di Asean boleh menyumbang tenaga.

"Bagaimanapun, ia perlulah mendapat kerjasama semua negara Indochina sendiri," katanya.

Beliau menambah kesejahteraan rantau Asia-Pasifik memerlukan sokongan semua negara, tidak kira kecil atau besar.

Menurutnya, Amerika Syarikat dan Russia sendiri pun adakalanya tidak dapat memberi jaminan bahawa negara kecil seperti Malaysia boleh hidup tanpa sebarang gangguan.

"Amerika sudah tumpas di Vietnam. Russia pula di Afghanistan. Ini adalah pengajaran yang perlu diinsafi bersama, kerana tidak ada kekerasan yang dapat bertahan lama," tegasnya.

Perdana Menteri juga berkata adalah penting bagi semua negara mengalihkan tumpuan ekonomi masing-masing kepada usaha meningkatkan taraf hidup rakyat, daripada membelanjakan wang yang banyak untuk tujuan ketenteraan.

Katanya, tidak ada negara sanggup berperang jika hak, kebebasan dan kedaulatannya dihormati oleh orang lain.

"Saya yakin rundingan seperti ini dapat membuah hasil yang diharap-harapkan, bagi memastikan tidak ada negara yang ketinggalan dalam mengecap kenikmatan kemerdekaan," katanya.

Lebih 150 peserta dan pemerhati 23 negara, termasuk Malaysia, menghadiri sidang dua hari itu yang dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik Antarabangsa (Isis) Malaysia.

Negara itu ialah Australia, Britain, Brunei, Burma, Kanada, Kampuchea, China, Fiji, Perancis, Indonesia, Jepun, Korea Utara, Korea Selatan, Laos, Mongolia, New Zealand, Filipina, Singapura, Russia, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.